

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bahagian ini akan menghuraikan beberapa perkara penting tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah dan teknik pengumpulan data, dan kaedah penganalisaan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap gangguan emosi pelajar, faktor dominan yang mengganggu emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan dan juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dan melihat apakah pembolehubah punca gangguan emosi yang menjadi penyumbang tertinggi kepada tingkahlaku kenakalan remaja.

Pemilihan sekolah adalah berdasarkan persetujuan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Kebenaran diluluskan untuk menjalankan kajian terhadap sekolah yang dicadangkan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya, Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul. Semua sekolah terletak dalam Zon Sentul Kuala Lumpur.

3.2 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah pelajar tingkatan empat sekolah menengah daerah Sentul, yang dianggarkan berjumlah 3200 orang. Sampel kajian ini melibatkan seramai 302 orang pelajar di empat buah sekolah menengah. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah berdasarkan formula yang dikemukakan oleh bahagian Penyelidikan 'National Education Association' seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), iaitu;

$$s = \chi^2 NP(1-P) \div d(N-1) + \chi^2 P(1-P)$$

di mana;

s = saiz sampel yang diperlukan

χ^2 = nilai Chi-Square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841).

N = saiz populasi

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum).

d = darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05.

Menggunakan formula ini, saiz sampel yang diperlukan adalah seperti berikut;

$$\begin{aligned} s &= \chi^2 NP(1-P) \div d(N-1) + \chi^2 P(1-P) \\ &= \frac{3.841 \times 2900 \times 0.5(1-0.5)}{0.05^2 (2900-1) + 3.841 \times 0.5 (1-0.5)} \\ &= \frac{2785}{9.2105} \\ &= 302 \text{ orang} \end{aligned}$$

Pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata (stratified random sampling) yang mengambil kira faktor jantina yang terdiri dari 177 pelajar lelaki dan 123 pelajar perempuan. Manakala sampel mengikut etnik terdiri dari 179 orang pelajar Melayu dan 121 orang pelajar bukan Melayu.

3.3 Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berasaskan soal selidik MOONEY (1983) Senarai Semak Masalah Mooney telah dibina oleh Ross L. Mooney pada tahun 1940 dan telah disemak pada tahun 1950.

Di Malaysia, Senarai Semak Masalah Mooney telah digunakan dengan meluas. Contohnya; Musa Daim (1977), Chiam (1982), Wong Chee Seng (1980), Nik Aziz Nik Pa dan Jeny Mutter (1982), Zakiah Daradjat (1974), dan Rohana Zubir (1974). Senarai Semak Masalah Money juga sesuai digunakan untuk mengukur punca-punca gangguan emosi seperti kebimbangan atau masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar (Fatnah Mohamed, 1988). Senarai Semak Masalah Money menyenaraikan 330 jenis masalah yang kemudiannya dibahagikan kepada sebelas kategori. Untuk tujuan kajian ini alat kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu soalan mengenai latar belakang yang mengandungi 10 item, soalan mengenai faktor gangguan emosi yang mengandungi 90 item dan dibahagikan kepada enam kategori punca yang berkaitan dengan emosi sahaja supaya bersesuaian dengan tujuan kajian. Bahagian ketiga pula soalan mengenai penglibatan dalam tingkah laku delinkuen yang mengandungi 60 item yang dibahagi kepada sembilan kategori yang mana sebahagian besar daftar tingkah laku diambil dari senarai yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia(1990) Tiga bahagian instrumen adalah seperti berikut:

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 10 item bagi mendapatkan maklumat tentang dengan latar belakang responden.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 90 item berkaitan dengan gangguan emosi pelajar dari aspek peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, dan persekitaran. Bahagian soalan-soalan adalah seperti rajah 3.1 di bawah:

Jadual 3.1: Jadual soalan-soalan dalam kategori punca gangguan emosi

Punca	Soalan
Peribadi	1 hingga 16
Ibu bapa dan keluarga	17 hingga 31
Akhlik dan agama	32 hingga 41
Rakan sebaya	42 hingga 53
Akademik dan sekolah	54 hingga 76
Persekutuan	77 hingga 90

Bahagian C

Bahagian ini mengandungi 60 item senarai tingkahlaku kenakalan remaja yang biasa berlaku di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Item 1 hingga 55 merupakan senarai item kod perlanggaran disiplin sekolah yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990), manakala item 56 hingga 60 merupakan item tambahan. (rujukan rajah 3.2)

Jadual 3.2: Kategori Soalan Aspek Tingkahlaku Kenakalan

Aspek Tingkahlaku Kenakalan	Soalan
Tingkahlaku jenayah	1 hingga 15
Tingkahlaku lucah	16 hingga 21
Kekemasan diri	22 hingga 26
Tingkahlaku tidak mementing masa	27 hingga 31
Tingkahlaku kurang sopan dan biadap	32 hingga 40
Tingkahlaku musnah	41 hingga 45
Tingkahlaku tidak jujur dan menipu	46 hingga 47
Ponteng dan lari dari rumah	48 hingga 56
Jenayah seks	57 hingga 60

3.4 Kajian Rintis

Soal selidik yang dibina telah diuji kesahannya melalui kesahan muka (face validity) dan kesahan kandungan (content validity). Proses kesahan ini dilakukan bagi memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa dan kejelasan maksud setiap item yang digunakan.

Penyelidik menggunakan tiga orang pakar bagi menentukan kesahan kandungan soal selidik. Berdasarkan pandangan pakar-pakar ini penyelidik mengubahsuai item yang tidak bertepatan.

Soal selidik telah ditadbirkan kepada 45 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Menjalara Kuala Lumpur bagi tujuan mengetahui kesahannya. Data daripada kajian rintis ini telah diproses dengan komputer menggunakan 'Statistical Package For The Social Sciences' (SPSS-pc) melalui analisis "item correlation", dan "reliability" bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Melalui analisis kolerasi antara item-item bagi setiap konstruk serta kolerasi antara setiap item dengan jumlah skor bagi konstruk tersebut, item yang tidak menunjukkan kolerasi yang signifikan dan nilai kolerasi (r) yang kurang daripada 0.30 telah diubahsuai atau digugurkan (Abu Bakar, 1987). Bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan soal selidik, kaedah Cronbach Alfa telah digunakan. Indeks kebolehpercayaan yang paling minima bagi penggunaan soal selidik ini ialah 0.6.

Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kolerasi koeffisien bagi setiap item dengan konstruk atau faktor berkenaan adalah signifikan dan melebihi 0.30. Ini selaras dengan pandangan Abu Bakar Nordin (1987) bahawa nilai kolerasi koeffisien minimum yang diterima ialah 0.30. Ini menunjukkan bahawa item-item yang dibina adalah mempunyai kesahan dan mampu memberi gambaran yang sebenar.

3.4.1 Indeks Kebolehpercayaan Punca-Punca Gangguan Emosi

Bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan dan kesahan instrumen, analisis indeks kebolehpercayaan setiap konstruk adalah seperti dalam jadual 3.3, 3.4 dan 3.5, 3.6, 3.7, 3.8, 3.9, dan 3.10 di bawah.

Jadual 3.3: Kolerasi Antara Setiap Item dan Indeks Kebolehpercayaan Gangguan Emosi dari faktor Peribadi

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
1	0.457**	0.8503	
2	0.513**	0.8483	
3	0.547**	0.8463	
4	0.677**	0.8389	
5	0.258	0.8570	
6	0.603**	0.8435	
7	0.714**	0.8368	
8	0.563**	0.8462	
9	0.671**	0.8393	
10	0.592**	0.8442	
11	0.648**	0.8418	
12	0.341*	0.8613	
13	0.368**	0.8545	
14	0.651**	0.8413	
15	0.576**	0.8463	
16	0.756**	0.8340	0.8541

Jadual 3.3 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 1 – 16) dengan jumlah skor penilaian adalah antara 0.258 Hingga 0.756. Mengikut Abu Bakar Nordin (1987) nilai koeffision kolerasi yang minimum diterima ialah 0.30. Berdasarkan jadual tersebut hanya terdapat 1 item yang nilai koeffesion kolerasinya kurang daripada 0.30 iaitu item kelima di mana nilai koeffisiennya adalah 0.258. Item yang mempunyai nilai kolerasi koeffeson yang rendah menunjukkan item itu tidak mampu mengukur perkara yang sama dengan item-item lain dalam kumpulannya. Oleh itu item itu dipindah daripada soalan "kecacatan saya" kepada "perawakan saya". Amat kecil bilangan responden yang menjawab ujian ini mengalami kecacatan, oleh itu respon kepada soalan ini amat kecil sehingga item ini tidak menunjukkan nilai kolerasi dengan jumlah skornya. Manakala perkataan "perawakan saya" agak lebih umum dan mampu diberi respon oleh semua responden.

Indeks kebolehpercayaan 16 item bagi mengukur gangguan emosi dari faktor peribadi ialah $\alpha = 0.8541$. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima kerana menurut Mohd Majid Konting (1990) nilai α minimum yang diterima ialah 0.6.

Jadual 3.4: Kolerasi Antara Setiap Item dan Indeks Kebolehpercayaan Gangguan Emosi Ibu Bapa dan Keluarga

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
17	0.752**	0.8514	
18	0.661**	0.8574	
19	0.773**	0.8501	
20	0.744**	0.8528	
21	0.802**	0.8478	
22	0.557**	0.8625	
23	0.628**	0.8592	
24	0.645**	0.8586	
25	0.679**	0.8571	
26	0.373*	0.8750	
27	0.520**	0.8643	
28	0.547**	0.8687	
29	0.475**	0.8659	
30	0.294*	0.8722	
31	0.508**	0.8670	0.8690

Jadual 3.4 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 17 – 31) dengan jumlah skor penilaian antara 0.294 Hingga 0.802. Mengikut Abu Bakar Nordin (1987) nilai koeffision kolerasi minimum yang boleh diterima ialah 0.30. Berdasarkan jadual tersebut hanya terdapat 1 item yang nilai koeffision kolasinya kurang daripada 0.30. Iaitu item ke-30 yang bernilai 0.294. Namun demikian item ini masih diterima dan penyelidik mengambil keputusan menerima pakai soalan ini tanpa ubahsuai.

Indeks kebolehpercayaan 15 item bagi mengukur gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga ialah $\alpha = 0.8690$. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima kerana menurut Mohd Majid Konting (1990) nilai α minimum yang diterima ialah 0.6.

Jadual 3.5: Kolerasi Antara Setiap Item dan Indeks
Kebolehpercayaan Gangguan Emosi Faktor Akhlak dan Agama

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
32	0.452**	0.7449	
33	0.677**	0.7141	
34	0.342*	0.7573	
35	0.581**	0.7332	
36	0.592**	0.7298	
37	0.474**	0.7426	
38	0.601**	0.7268	
39	0.630**	0.7238	
40	0.683**	0.7201	
41	0.528**	0.7491	
			0.7549

Jadual 3.5 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 32 – 41) dengan jumlah skor penilaian antara 0.342 Hingga 0.683. Bahagian ini menunjukkan kolerasi antara item adalah tinggi dan ini dapat membuktikan bahawa item-item itu mengukur perkara yang sama. Oleh itu keseluruhan item dalam faktor ini yang boleh diterima pakai.

Indeks kebolehpercayaan 10 item bagi mengukur gangguan emosi dari faktor agama dan akhlak juga menunjukkan nilai yang tinggi dengan nilai $\alpha = 0.7549$. Ini bermakna item dalam faktor ini mampu memberi jawapan yang konsisten dan merupakan ciri-ciri instrumen yang baik untuk meneruskan kajian.

Jadual 3.6: Kolerasi Antara Setiap Item dan Indeks Kebolehpercayaan Gangguan Emosi Faktor Rakan Sebaya

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
42	0.723**	0.8826	
43	0.675**	0.8859	
44	0.698**	0.8840	
45	0.742**	0.8815	
46	0.543**	0.8946	
47	0.572**	0.8910	
48	0.785**	0.8784	
49	0.679**	0.8851	
50	0.728**	0.8825	
51	0.740**	0.8816	
52	0.663**	0.8881	
53	0.679**	0.8865	
			0.8938

Jadual 3.6 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 42 – 53) dengan jumlah skor penilaian antara 0.543 Hingga 0.785. Kolerasi antara item menunjukkan wujud kekuatan dalam semua item soalan yang boleh diterima pakai.

Nilai α juga mencatatkan angka yang tinggi iaitu 0.8938 dan ini menunjukkan indeks kebolehpercayaan 12 item bagi mengukur gangguan emosi dari faktor rakan sebaya boleh diterima .

Jadual 3.7: Kolerasi Setiap Item dan Indeks Kebolehpercayaan Gangguan Emosi Faktor Akademik dan Sekolah

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
54	0.626**	0.9256	
55	0.749**	0.9232	
56	0.696**	0.9240	
57	0.659**	0.9249	
58	0.721**	0.9234	
59	0.771**	0.9223	
60	0.609**	0.9257	
61	0.518**	0.9270	
62	0.661**	0.9247	
63	0.608**	0.9259	
64	0.655**	0.9298	
65	0.781**	0.9221	
66	0.460**	0.9293	
67	0.748**	0.9234	
68	0.571**	0.9263	
69	0.550**	0.9271	
70	0.538**	0.9274	
71	0.658**	0.9247	
72	0.576**	0.9262	
73	0.669**	0.9249	
74	0.691**	0.9241	
75	0.510**	0.9274	0.9284

Jadual 3.7 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 54 – 75) dengan jumlah skor penilaian antara 0.460 Hingga 0.781. Semua item menunjukkan kolerasi yang tinggi dan ini membuktikan item-item bagi faktor ini dapat mengukur faktor yang sama dengan kemampuan memberi gambaran yang sebenar.

Indeks kebolehpercayaan 22 item bagi mengukur gangguan emosi faktor akademik dan sekolah merupakan yang tertinggi dari faktor-faktor lain dengan nilai $\alpha = 0.9284$.

Jadual 3.8: Kolerasi Setiap Item dan Indeks Kebolehpercayaan Gangguan Emosi Faktor Persekutaran

Item	Jumlah skor Faktor peribadi	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
76	0.476**	0.8180	
77	0.467**	0.8289	
78	0.567**	0.8045	
79	0.361**	0.8157	
80	0.511**	0.8087	
81	0.516**	0.8083	
82	0.387**	0.8158	
83	0.304*	0.8205	
84	0.269	0.8232	
85	0.723**	0.7912	
86	0.632**	0.7996	
87	0.641**	0.7999	
88	0.722**	0.7914	
89	0.621**	0.8005	
90	0.659**	0.7975	
91	0.595**	0.8029	
			0.8179

Jadual 3.8 menunjukkan kolerasi antara setiap item (item 76 – 91) dengan jumlah skor penilaian antara 0.269 Hingga 0.723. Mengikut Abu Bakar Nordin (1987) nilai koeffision kolerasi yang minimum boleh diterima ialah 0.30. Berdasarkan Jadual tersebut hanya terdapat 1 item yang nilai koeffesision kolerasinya kurang daripada 0.30. Iaitu item ke-84 yang bernilai 0.269. Oleh itu item-item itu telah disemak semula dan diubahsuai.

Namun demikian indeks kebolehpercayaan 16 item bagi mengukur gangguan emosi dari faktor persekitaran ialah $\alpha = 0.8179$. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima kerana menurut Mohd Majid Konting (1990) nilai α minimum yang diterima ialah 0.6.

Kesimpulannya, berdasarkan jadual 3 hingga 8, didapati nilai kolerasi antara setiap item dengan jumlah skor tiap-tiap faktor yang diuji mempunyai nilai koeffesien kolerasi yang boleh diterima dan mampu memberi nilai instrumen yang boleh memberi hasil kajian yang baik. Namun demikian cuma dua item dari keseluruhan 91 item faktor gangguan emosi diubahsuai kerana nilai koeffesien kolerasinya kurang dari 0.3. Tindakan ini dibuat kerana mengikut Abu Bakar Nordin (1987) nilai koeffesien kolerasi minimum boleh diterima ialah 0.30.

Indeks kebolehpercayaan untuk gangguan emosi bagi setiap faktor juga menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.9: Indeks Kebolehpercayaan Faktor-faktor Gangguan Emosi

Punca penyumbang	Alfa keseluruhan
Peribadi	0.8541
Ibu bapa dan keluarga	0.8690
Akhlik dan agama	0.7549
Rakan sebaya	0.8938
Akademik dan sekolah	0.9284
Persekutaran	0.8179

Indeks kebolehpercayaan keseluruhan punca-punca penyumbang kepada gangguan emosi ialah 0.8531 (Jadual 3.9). Berdasarkan indeks

kebolehpercayaan yang tinggi ini, instrumen ini mampu memberi jawapan yang konsisten.

3.4.2 Indeks Kebolehpercayaan Faktor Penglibatan Tingkahlaku Kenakalan

Jadual 3.10: Indeks Kebolehpercayaan Faktor Penglibatan Tingkahlaku Kenakalan

Item	Alfa jika satu item digugurkan	Alfa keseluruhan
1	0.6791	
2	0.6629	
3	0.6566	
4	0.6438	
5	0.6995	
6	0.7068	
7	0.6721	
8	0.6728	
9	0.6984	
10	0.6995	
11	0.6995	
12	0.6995	
13	0.6995	
14	0.6995	
15	0.6995	
16	0.6995	
17	0.6995	0.6988
18	0.6995	
19	0.6995	
20	0.6995	
21	0.6575	
22	0.6788	
23	0.6995	
24	0.6995	
25	0.6995	
26	0.7377	
27	0.6997	
28	0.6829	
29	0.6958	
30	0.6995	
31	0.6953	
32	0.6995	

Jadual 3.10 menunjukkan analisa soalan bahagian C iaitu item-item yang melibatkan pelajar dengan tingkahlaku delinkuen . Untuk 32 item dalam bahagian ini, hasil kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan $\alpha = 0.6988$. Menurut Majid Konting (1990) nilai α minimum yang diterima ialah 0.6. Namun demikian beberapa item telah ditambah dan diubahsuai kepada item yang nilai kolerasinya rendah. Item dalam daftar kesalahan tingkahlaku yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) telah diambil bagi tujuan memantapkan bahagian ini. Akhirnya 60 item disediakan untuk bahagian ini di mana soalan-soalanya lebih relevan dengan subjek yang dikaji.

3.5 Kaedah Dan Teknik Pengumpulan Data

Kebenaran untuk menjalankan kajian diperolehi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah empat buah sekolah telah dikenalpasti, surat permohonan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah dihantar ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan untuk mendapatkan kebenaran bertulis. Kajian dimulakan setelah semua kebenaran bertulis diperolehi. Kunjungan awal ke sekolah-sekolah yang terpilih sebagai persediaan awal telah dibuat dan tindakan awal bagi mendapatkan latar belakang sekolah yang lebih jelas dan untuk mendapatkan kerjasama dari pengetua sekolah dan guru-guru yang difikirkan bersangkutan dengan tatacara kajian ini telah dibuat lebih awal. Semasa penemuan dengan pengetua sekolah, penyelidik menerangkan tentang kriteria kelas yang akan

dipilih dan cuba mendapatkan persetujuan tarikh melaksanakan ujian ini. Tujuan penyelidikan juga diterangkan kepada guru kelas yang terlibat dan juga segala etika kerahsiaan yang difikirkan perlu. Penyelidik juga memohon kerjasama guru-guru tingkatan berkaitan untuk mengedarkan dan mengumpulkan kembali borang soal selidik yang telah siap dijawab.

3.6 Kaedah Analisis Data

Data mentah yang dikumpul telah dianalisis menggunakan SPSS-pc. Data yang terkumpul disusun mengikut strata, iaitu disusun mengikut sekolah, etnik dan jantina dan tahap pendapatan. Dengan bantuan komputer data-data diproses untuk mencari min, peratus, varian, sisihan lazim, sisihan piawai, ujiant, ANOVA satu-hala dan Regresi Berganda.

Data dari punca gangguan emosi (bahagian B soal selidik) disusun mengikut item berdasarkan pemarkahan skala likert, seperti berikut;

1 = Sangat tidak mengganggu

2 = Tidak mengganggu

3 = Sederhana mengganggu

4 = Mengganggu

5 = Sangat mengganggu

Terdapat 90 item dikemukakan untuk mendapat respon dari pelajar yang di kaji.

Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan tahap emosi dan tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan jantina dan etnik, iaitu bagi menguji hipotesis Ho.1, Ho.2, Ho.3, Ho.5, Ho.6 dan Ho.7. Ujian ANOVA satu-hala digunakan untuk melihat tahap emosi dan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan pendapatan ibu bapa. Ujian kolerasi pearson digunakan untuk melihat diantara punca-punca penyumbang dengan tingkahlaku kenakalan remaja.

Regresi berganda pula digunakan untuk melihat punca penyumbang kepada penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Dalam melakukan regresi berganda, faktor demografik juga telah diambil sebagai sebahagian daripada faktor yang dikaji.

Data gejala sosial (bahagian C) disusun mengikut item berdasarkan pemarkahan skala likert, seperti berikut;

- 1 = Tidak pernah
- 2 = Jarang-jarang
- 3 = Kadang-kadang
- 4 = Kerap kali
- 5 = Selalu

Terdapat 60 item dikemukakan untuk mendapat respon dari pelajar yang dikaji.